

## Kesum miliki pelbagai khasiat kesihatan, tingkat daya ingatan

OlehTuty Haryanti Ahmad Rodzi - Februari 10, 2022  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Abdul Wahab (tengah) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Biotropics Malaysia Berhad, Tengku Shahrir Tengku Adnan (kanan) dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat) UKM, Prof Datuk Dr Norizah Mohd Nordin melancarkan buku berkaitan kajian daun kesum, hari ini. FOTO NSTP/MOHAMAD HAZREEN MOHAMAD

PUTRAJAYA: Daun kesum atau nama saintifiknya 'polygonum minus' yang banyak digunakan sebagai penambah perisa makanan dalam masakan Melayu, adalah tumbuhan herba mengandungi antioksidan yang tinggi.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Ir Datuk Dr Abdul Wahab Mohammad, berkata berdasarkan kajian, herba itu mempunyai aktiviti anti-mikrob, anti-keradangan, anti-kedutan dan meningkatkan daya ingatan.

Beliau berkata, terdapat pelbagai lagi manfaat lain yang turut dibuktikan secara saintifik oleh penyelidik di Malaysia yang dibukukan dengan tulisan yang mudah difahami bertajuk *The Wonders of Kesum: Findings from the National Kesum Initiative*.

"Menerusi penulisan buku ini, maklumat komprehensif tentang penyelidikan kesum turut dibincangkan. Ia merangkumi kaedah pengekstrakan, sifat metabolit dan potensi penggunaan herba ini sebagai agen neuroprotektif dan kemopreventif, penggunaan dalam kosmetik, pembungkusan makanan dan agro-industri.

"Buku ini dapat dijadikan sumber bacaan dan panduan untuk penyelidikan pada masa depan yang boleh membantu ke arah pengkomersilan kesum dalam pelbagai industri, termasuklah kesihatan, perniagaan tani, teknologi makanan, farmaseutikal dan kosmetik," katanya pada Majlis Pelancaran Buku dan Penyampaian Anugerah National Kesum Initiatives (NKI), hari ini.

Abdul Wahab berkata, beliau optimis dan yakin, menerusi segala bukti dan kajian dikongsikan dalam buku itu dapat dijadikan panduan dalam dasar kesihatan awam dan garis panduan pemakanan untuk menggalakkan pengambilan kesum dalam diet harian bagi penjagaan kesihatan.

"Penghasilan buku ini turut memberikan sokongan saintifik serta bukti tentang keberkesanan penggunaan kesum dalam pelbagai aspek.

"Buku ini berpotensi dijadikan rujukan penyelidik serta pihak industri yang berminat untuk melabur dalam penghasilan produk dan pengkomersilan berteraskan kesum.

Sementara itu, Pengerusi NKI yang juga Dekan Fakulti Sains Kesihatan (FSK) UKM, Prof Dr Suzana Shahar berkata, NKI berfungsi mempromosikan penyelidikan berkaitan herba itu dalam kalangan penyelidik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS), agensi atau institut penyelidikan di Malaysia.

Katanya, NKI yang ditubuhkan sejak pertengahan tahun 2019, berjaya menarik minat 44 kumpulan penyelidik dari pelbagai institusi di Malaysia.